

### **BAB III**

### **PERKAHWINAN BERBEZA AGAMA DALAM PERSPEKTIF PERATURAN**

### **PERUNDANGAN DI INDONESIA**

Pada bab sebelumnya telah dijelaskan bahawa landasan hukum yang paling utama dalam melaksanakan sebuah perkahwinan di Indonesia adalah Undang No. 1 Tahun 1974. Begitu juga dengan pelaksanaan perkahwinan berbeza agama, ianya juga harus berlandaskan pada undang-undang tersebut, khasnya dalam seksyen 2 (1) yang menjelaskan bahawa sahnya sebuah perkahwinan tergantung pada ketentuan hukum agamanya masing-masing. Hal ini bererti bahawa jika hukum agama menyatakan perkahwinan itu tidak boleh atau tidak sah, maka tidak boleh atau tidak sah pula menurut hukum negara.

Kompilasi Hukum Islam telah menyatakan dengan jelas bahawa perkahwinan berbeza agama adalah termasuk dalam kategori perkahwinan yang dilarang. Hal ini dapat dilihat daripada ketentuan seksyen 40c yang menyatakan bahawa dilarang melangsungkan perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang tidak beragama Islam; dan juga dalam seksyen 44 menyatakan bahawa seorang wanita Islam dilarang melangsungkan perkahwinan dengan seorang lelaki yang tidak beragama Islam.

Namun demikian, kenyataan yang terjadi dalam sistem hukum Indonesia, perkahwinan berbeza agama masih terjadi. Hal ini disebabkan peraturan perundangan tentang perkahwinan, khasnya UU Perkahwinan memberikan peluang tersebut terjadi, kerana dalam peraturan tersebut mengandungi pelbagai pentafsiran mengenai ketentuan yang berhubung kait dengan perkahwinan berbeza agama.

Oleh itu, dalam bab III ini penyelidik membahaskan mengenai pandangan peraturan perundangan yang sudah sedia ada di Indonesia, sama ada Undang-undang

No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, Kompilasi Hukum Islam, mahupun peraturan perundangan lainnya mengenai perkahwinan berbeza agama. Selain itu, dalam bab ini juga dibincangkan mengenai pandangan hukum perkahwinan Islam mengenai perkahwinan berbeza agama. Kerana bagaimanapun juga, merujuk pada seksyen 2 (1) UU Perkahwinan bahawa sah tidaknya sebuah perkahwinan seseorang itu tergantung pada ketentuan agama.

### **3.1 Pengertian Perkahwinan Berbeza Agama**

Di Indonesia, ada dua istilah yang selalu digunakan untuk menyebutkan mengenai perkahwinan berbeza agama, iaitu perkahwinan berbeza agama dan perkahwinan campuran. Padahal apabila diteliti lebih jauh kedua-dua istilah ini mempunyai makna yang tidak selalu sama, bahkan berbeza. Hal ini dapat dilihat daripada pengertian perkahwinan campuran yang telah dijelaskan oleh peraturan perundangan yang memperuntukkannya.

Perkahwinan berbeza agama dapat diertikan sebagai ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita, yang kerana berbeza agama, menyebabkan tersangkutnya dua peraturan yang berlainan mengenai syarat-syarat dan tata cara pelaksanaan perkahwinan sesuai dengan hukum agamanya masing-masing, dengan tujuan untuk membentuk rumah tangga yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa.<sup>1</sup> Dari sini dapat difahamkan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah perkahwinan yang dilaksanakan antara 2 orang, seorang lelaki dan seorang wanita, yang berbeza agama dan masing-masing tetap mempertahankan agama yang dianutnya semasa melaksanakan perkahwinan. Rumusan pengertian perkahwinan berbeza agama ini berbeza dengan rumusan yang diberikan oleh peraturan perundangan Indonesia, di mana ianya mendefinisikan perkahwinan berbeza agama dengan

---

<sup>1</sup> Rusli dan R. Tama (1986), *Perkawinan Antar Agama dan Masalahnya*. Bandung: Pionir Jaya, hlm. 17.

perkahwinan campuran. Hanya sahaja apa yang diinginkan mengenai perkara yang berhubung kait dengan perkahwinan berbeza agama dijelaskan dengan seksyen lain yang tidak berbentuk sebuah definisi.

Di dalam seksyen 1 Peraturan Perkahwinan Campuran atau *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR) Staatsblad 1898 No.158 atau biasa disebut dengan GHR menyebutkan bahawa yang dinamakan perkahwinan campuran adalah perkahwinan antara orang-orang yang di Indonesia tunduk kepada hukum-hukum yang berlainan. Maksud daripada pengertian ini dapat dicontohkan sebagaimana penjelasan daripada seksyen tersebut, iaitu perkahwinan antara seorang Indonesia dengan seorang Belanda atau bangsa Eropah lainnya, sekalipun orang Belanda atau bangsa Eropah lainnya tersebut telah menjadi warga negara serta memeluk agama Islam, kerana mereka masih tunduk kepada hukum sivil Eropah. Begitu pula perkahwinan antara seorang Indonesia yang beragama Islam dengan seorang Indonesia yang beragama selain Islam, atau antara seorang Indonesia dan seorang Tionghoa atau bangsa Timur lainnya yang tidak beragama Islam, sekalipun telah menjadi warga negara. Jadi, dalam ketentuan ini lebih ditekankan pada perbezaan hukum yang berlaku kepada mereka, dan bukan pada perbezaan agama. Kerana menurut ketentuan ini dapat difahamkan bahawa setiap perkahwinan berbeza agama adalah perkahwinan campuran, tapi tidak setiap perkahwinan campuran adalah perkahwinan agama.

Lebih jauh, GHR juga menjelaskan bahawa perbezaan agama, bangsa atau asal tidak menjadi halangan untuk melaksanakan perkahwinan. Hal ini sebagaimana disebutkan di dalam seksyen 7 (2) GHR. Jadi, di dalam ketentuan ini sama sekali tidak memperhatikan ketentuan agama dalam perkara melaksanakan perkahwinan. Ini bererti bahawa meskipun agama mereka yang melaksanakan perkahwinan melarangnya, perkahwinan mereka tetap sah menurut GHR. Hal ini sejalan dengan ketentuan yang terdapat dalam seksyen 26 *Burgelijk Wetboek* (BW) dan seksyen 1 *Huwelijks*

*Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCl) yang memandang sahnya perkahwinan daripada hubungan sivil (perdata) sahaja.<sup>2</sup>

Namun demikian, pengertian perkahwinan campuran yang mengandungi juga perkahwinan berbeza agama sebagaimana ketentuan dalam GHR tersebut berbeza dengan pengertian yang dijelaskan dalam Undang-undang No. 1 Tahun 1974. Dalam seksyen 57 UU Perkahwinan disebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan perkahwinan campuran adalah perkahwinan antara dua orang yang di Indonesia tunduk pada hukum yang berlainan, kerana perbezaan kewarganegaraan dan salah satu pihak berkewarganegaraan asing dan salah satu pihak berkewarganegaraan Indonesia. Daripada pengertian ini, secara eksplisit dapat dikatakan bahawa UU Perkahwinan tidak menyebutkan mengenai perkahwinan berbeza agama sebagaimana disebutkan dalam GHR. Namun, secara implisit mengenai perkahwinan berbeza agama dapat difahamkan daripada seksyen 2 (1) dan seksyen 8f UU Perkahwinan, iaitu bahawa undang-undang menyerahkan sepenuhnya kepada hukum masing-masing pihak yang melaksanakan perkahwinan untuk menentukan boleh tidaknya perkahwinan berbeza agama.<sup>3</sup>

Daripada pengertian yang dijelaskan di dalam ketentuan UU Perkahwinan tersebut dapat difahamkan juga bahawa tidak setiap perkahwinan berbeza agama adalah perkahwinan campuran, tetapi setiap perkahwinan campuran mungkin perkahwinan berbeza agama dan mungkin juga tidak. Jadi berdasarkan ketentuan seksyen 57 UU Perkahwinan, perkahwinan berbeza agama yang diiktiraf oleh negara Indonesia adalah perkahwinan berbeza agama di dalam perkahwinan campuran yang tunduk pada aturan hukum negara masing-masing pihak yang melaksanakan perkahwinan, dan selain daripada itu sahnya perkahwinan ditentukan oleh ketentuan agama masing-masing pihak. Oleh karena itu, jika terjadi perkahwinan antara dua orang yang sesama warganegara Indonesia tidak dapat dimasukkan dalam perkahwinan campuran

<sup>2</sup> Suparman Usman (1995), *Perkawinan Antar Agama dan Problematika Hukum Perkawinan di Indonesia*. Serang: Saudara Serang, hlm. 33-35.

<sup>3</sup> Rusli dan R. Tama (1986), *Op.Cit.*, hlm. 41.

sebagaimana ketentuan UU Perkahwinan ini. Daripada ketentuan inilah, pelbagai pakar hukum Indonesia memberikan pentafsiran yang berbeza-beza mengenai perkahwinan berbeza agama.

### **3.2 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Peraturan Perundangan di Indonesia**

#### **3.2.1 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut *Burgelijk Wetboek* (BW), *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCI) dan *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR)**

Di Indonesia, sebelum berkuat kuasanya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan telah wujud peraturan perundangan yang memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama, iaitu *Burgelijk Wetboek* (BW), *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCI) dan *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR). Namun berdasarkan pada seksyen 66 Undang-undang No. 1 Tahun 1974, peraturan perundangan tersebut tidak lagi berkuat kuasa selagi materinya telah diperuntukkan oleh Undang-undang No. 1 Tahun 1974.

Terlepas daripada sudah tidak berkuat kuasanya peraturan perundangan sebelum Undang-undang No. 1 Tahun 1974, dalam pembahasan ini, penyelidik menjelaskan mengenai ketentuan perkahwinan berbeza agama di dalam BW, HOCI dan GHR. Kerana bagaimanapun juga, ketentuan yang ada di dalamnya masih boleh digunakan selagi ketentuan tersebut belum diperuntukkan oleh Undang-undang No. 1 Tahun 1974 sebagaimana yang disebutkan pada seksyen 66.

Di dalam *Burgelijk Wetboek* (BW) terdapat ketentuan yang memperuntukkan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah dibolehkan. Sebagaimana disebutkan pada seksyen 26, yang berbunyi: “undang-undang memandang soal perkahwinan hanya dalam hubungan-hubungan perdata (sivil)”. Ertinya perkahwinan tidak ada hubung kait dengan perbezaan agama, bangsa atau etnik selagi perkahwinan itu memenuhi ketentuan

yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Dan undang-undang hanya mengiktiraf perkahwinan yang dilaksanakan di hadapan Pegawai Catatan Sipil.<sup>4</sup> Sejalan dengan ini, *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCI) pada seksyen 1 menyebutkan juga bahawa: “perkahwinan itu oleh undang-undang hanya diperhatikan hubungan perdatanya sahaja”. Bahkan dalam seksyen 81 melarang dilaksanakannya upacara keagamaan sebelum perkahwinan itu dicatat di Kantor Catatan Sipil. Ketentuan yang ada di dalam kedua-dua peraturan perundangan ini bererti bahawa ketentuan yang ada di dalam undang-undang sifatnya lebih tinggi dibandingkan dengan ketentuan yang ada di dalam agama. Jadi, meskipun agama melarang perkahwinan tersebut, akan tetapi jika undang-undang membolehkan maka perkahwinan tersebut dianggap sah.<sup>5</sup>

Hal ini ditegaskan pula di dalam *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR) dengan ketentuan yang lebih jelas mengenai perkahwinan berbeza agama daripada ketentuan yang ada pada kedua-dua peraturan perundangan di atas. Hal ini sebagaimana disebutkan di dalam seksyen 7 (2), yang berbunyi: “perbezaan agama, bangsa atau asal itu sama sekali bukanlah menjadi halangan untuk perkahwinan itu”. Ketentuan yang sangat tegas dan jelas ini menunjukkan bahawa ketentuan agama tidak mempunyai pengaruh terhadap sesebuah perkahwinan.<sup>6</sup>

Ketentuan yang ada di dalam *Burgelijk Wetboek* (BW), *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCI) dan *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR) ini sangat berbeza dengan ketentuan yang ada di dalam Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Di mana Undang-undang No. 1 Tahun 1974 lebih mengutamakan ketentuan agama daripada ketentuan undang-undang dalam melaksanakan sesebuah perkahwinan.

---

<sup>4</sup> Soedharyo Soimin (2002), *Hukum Orang dan Keluarga*. Jakarta: Sinar Grafika, hlm. 3.

<sup>5</sup> M. Idris Ramulyo (1984), *Beberapa Masalah Tentang Hukum Acara Peradilan Agama dan Hukum Perkahwinan Islam*. Jakarta: Ind. Hill Co, hlm. 140.

<sup>6</sup> Suparman Usman (1995), *Op. Cit.*, hlm. 34-35.

### **3.2.2 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Undang-undang No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan**

Di dalam Undang-undang No. 1 tahun 1974 tentang Perkahwinan tidak memperuntukkan secara jelas dan tegas mengenai perkahwinan berbeza agama, dan ianya hanya memperuntukkan mengenai perkahwinan campuran. Namun demikian, ianya secara implisit dapat difahami daripada seksyen 2 (1), yang berbunyi: “Perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu”, dan juga seksyen 8f yang berbunyi: “perkahwinan dilarang antara dua orang yang mempunyai hubungan yang oleh agamanya atau peraturan lain yang berlaku, dilarang kahwin”. Berdasarkan pada ketentuan kedua-dua seksyen ini dapat difahamkan bahawa undang-undang menyerahkan sepenuhnya kepada hukum agama masing-masing pihak yang melaksanakan perkahwinan untuk menentukan dibolehkan atau dilarang perkahwinan berbeza agama tersebut. Pemberian peranan yang sangat besar kepada hukum agama ini lebih jelas lagi terlihat pada penjelasan seksyen 2 (1) yang menyatakan bahawa “tidak ada perkahwinan di luar hukum agama dan kepercayaannya”. Hal ini berbeza dengan ketentuan peraturan perundangan sebelum wujudnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 yang menafikan kewujudan ketentuan agama dan lebih mengutamakan ketentuan undang-undang.

Meskipun UU Perkahwinan menyerahkan sepenuhnya mengenai sah tidaknya sebuah perkahwinan kepada ketentuan agama, bukan bererti ketentuan undang-undang kemudian diabaikan. Kerana bagaimanapun juga ketentuan ini mengandungi pengertian bahawa selain perkahwinan itu sah menurut agamanya masing-masing, ianya juga harus mendapatkan pengiktirafan daripada undang-undang berupa pencatatan perkahwinan. Menurut UU Perkahwinan, kedua aspek ini harus terpenuhi semuanya.<sup>7</sup> Ertinya bahawa apabila perkahwinan hanya dilaksanakan menurut ketentuan undang-undang, tanpa

---

<sup>7</sup> Salim HS (2002), *Pengantar Hukum Perdata Tertulis (BW)*. Jakarta: Sinar Grafika, hlm. 61.

memperhatikan unsur agama, perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Sebaliknya, apabila perkahwinan yang dilaksanakan hanya memperhatikan unsur hukum agama sahaja, tanpa memperhatikan atau mengabaikan undang-undang, maka perkahwinan tersebut juga dianggap tidak sah.<sup>8</sup>

Oleh kerana UU Perkahwinan tidak memperuntukkan secara jelas mengenai perkahwinan berbeza agama, maka muncullah pelbagai pentafsiran terhadap ketentuan yang ada. Setidaknya ada 3 pentafsiran yang wujud dalam memahami perkahwinan berbeza agama dalam UU Perkahwinan, iaitu:

- a. Pentafsiran yang berpendapat bahawa perkahwinan berbeza agama merupakan pelanggaran terhadap UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan seksyen 2 (1) *juncto* seksyen 8f yang telah menjelaskan perkara itu. Di samping itu, pendapat ini juga dikuatkan dengan kenyataan bahawa setiap agama di Indonesia mencegah terjadinya perkahwinan berbeza agama.
- b. Pendapat yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah sah dan dapat dilaksanakan, kerana perkahwinan telah tercakup (*include*) dalam perkahwinan campuran sebagaimana disebutkan dalam seksyen 57 UU Perkahwinan. Pendapat ini dikuatkan dengan pernyataan pada seksyen 57 UU Perkahwinan tentang perkahwinan campuran yang menitikberatkan pada dua orang yang di Indonesia tunduk pada hukum yang berlainan. Hal ini bererti bahawa seksyen ini tidak sahaja memperuntukkan perkahwinan antara dua orang yang berbeza kewarganegaraan, melainkan juga dua orang yang berbeza agama, di mana masing-masing agama memiliki hukum yang berbeza. Sehingga

---

<sup>8</sup> Wahono Darmabrata 2003), *Tinjauan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkawinan Beserta Undang-undang dan Peraturan Pelaksanaannya*. Jakarta: CV. Gitama Jaya, hlm. 102.

pelaksanaannya dilakukan menurut prosedur yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Peraturan Perkahwinan Campuran atau GHR.

- c. Pendapat yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama sama sekali tidak diperuntukkan oleh UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Oleh kerana itu berdasarkan seksyen 66 UU No. 1 Tahun 1974<sup>9</sup> maka persoalan perkahwinan berbeza agama dapat merujuk pada Peraturan Perkawinan Campuran (GHR) atau peraturan lainnya yang memperuntukkan mengenainya. Hal ini disebabkan Undang-undang Perkahwinan belum memperuntukkan perkahwinan berbeza agama.<sup>10</sup>

Daripada ketiga pendapat di atas, pada satu sisi penyelidik lebih cenderung bersepakat dengan pendapat yang pertama, iaitu bahawa perkahwinan berbeza agama merupakan pelanggaran terhadap UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Namun, pendapat tersebut harus lebih dikuatkan dengan seksyen 2 (1) *juncto* seksyen 8f UU Perkahwinan, iaitu bahawa sah tidaknya perkahwinan berbeza agama tergantung pada ketentuan hukum agama. Daripada seksyen ini dapat diertikan jika di dalam ketentuan agama melarang perkahwinan berbeza agama, maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah dan melanggar ketentuan yang ada di dalam UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, dan begitu sebaliknya. Sebab, di dalam hukum perkahwinan Islam sendiri masih terjadi perbezaan pendapat ulama mengenai siapa sahaja yang boleh berkahwin dengan seorang lelaki Muslim di antara wanita-wanita yang bukan beragama Islam. Hal ini bermaksud bahawa di dalam hukum perkahwinan Islam, wujud pendapat yang membolehkan dan pendapat yang melarang perkahwinan berbeza agama. Oleh itu, jika

---

<sup>9</sup> Seksyen 66 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan berbunyi ”untuk perkahwinan dan segala sesuatu yang berhubungan dengan perkahwinan berdasarkan undang-undang ini, maka dengan berlakunya undang-undang ini ketentuan-ketentuan yang diatur dalam Kitab Undang-undang Hukum Perdata (*Burgelijk Wetboek*), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian (*Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers* S. 1933 No. 74), Peraturan Perkahwinan Campuran (*Regeling op de Gemengde Huwelijken* S. 1898 No. 158), dan peraturan-peraturan lain yang mengatur tentang perkahwinan sejauh telah diatur dalam undang-undang ini, dinyatakan tidak berlaku.”

<sup>10</sup> Ahmad Sukardja (1996), “Perkawinan Berbeda Agama Menurut Hukum Islam”, dalam Chuzaimah T Yanggo & Hafiz Anshary (ed.), *Problematika Hukum Islam Kontemporer*. Jakarta: PT Pustaka Firdaus, hlm. 17-18.

ada ulama yang membolehkan perkahwinan berbeza agama antara seorang Muslim dengan seorang non-Muslim, seperti Ahli Kitab, dan seseorang yang mahu berkahwin mengikuti pendapat ulama tersebut, maka perkahwinan mereka adalah sah di sisi undang-undang dan hukum perkahwinan Islam.

Pada sisi yang lain, penyelidik juga bersepakat dengan pendapat yang ketiga, iaitu bahawa UU Perkahwinan tidak memperuntukkan sama sekali masalah perkahwinan berbeza agama. Namun, penyelidik tidak secara mutlak bersetuju dengan pendapat ini. Kerana bagaimanapun juga, perkahwinan berbeza agama sudah pun diperuntukkan di dalam UU Perkahwinan, khasnya seksyen 2 (1) *juncto* seksyen 8f, hanya sahaja ketentuan yang ada di dalamnya masih kurang jelas. Ketidakjelasan tersebut dapat dilihat jika pada kes terjadinya perkahwinan berbeza agama yang dibolehkan oleh beberapa ulama dalam Islam, maka boleh dikatakan jika UU Perkahwinan tidak memperuntukkannya secara terperinci. Sebab, terkadang wujud pemahaman dan pendapat yang berbeza antara orang yang mahu berkahwin dengan pegawai pencatat perkahwinan, sama ada Pegawai Pencatat di Kantor Catatan Sipil mahupun Pegawai Pencatat Nikah di Kantor Urusan Agama. Sehingga hal ini mempunyai akibat hukum yang berupa tidak adanya pencatatan perkahwinan. Padahal berdasarkan seksyen 2 ayat 2 UU Perkahwinan, setiap perkahwinan harus dilakukan pencatatan sebagai bukti rasmi bahawa perkahwinannya adalah sah dan diiktiraf secara rasmi oleh negara. Oleh itu, jika perkahwinan berbeza agama seperti itu terjadi maka peraturan perundangan sebelum Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, iaitu GHR masih dapat digunakan. Kerana berdasarkan seksyen 66 UU Perkahwinan, peraturan perundangan tentang perkahwinan sebelum UU Perkahwinan masih dapat digunakan lagi UU Perkahwinan tidak memperuntukkannya.

Oleh yang demikian, menurut hemat penyelidik, perlu sekiranya diadakan perubahan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, sehingga dilema

perundangan mengenai perkahwinan berbeza agama tidak lagi terjadi dan perkahwinan berbeza agama yang telah pun terjadi dan akan terjadi di Indonesia mendapatkan payung hukum yang jelas. Kerana bagaimanapun juga, ketidakjelasan peraturan perundangan tersebut menghambat terjadinya perkahwinan berbeza agama diantara seorang lelaki Muslim dengan seorang wanita yang bukan beragama Islam, di mana perkahwinan tersebut mendapatkan pengiktirafan daripada sebahagian ulama.

### **3.2.3 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Kompilasi Hukum Islam**

Sebelum membincangkan mengenai ketentuan perkahwinan berbeza agama di dalam Kompilasi Hukum Islam, patut sekiranya diketahui mengenai posisi Kompilasi Hukum Islam di dalam peraturan perundangan di Indonesia sebagaimana telah dijelaskan pada bab sebelumnya. Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang penyebarannya dilakukan melalui Instruksi Presiden (INPRES) No. 1 Tahun 1991, yang kemudian diikuti dengan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 154 Tahun 1991 tentang Pelaksanaan Instruksi Presiden Republik Indonesia No. 1 Tahun 1991 dan Surat Edaran DirbinPera No. 3694/EV/HK.00.3/AZ/91 tentang penyebaran INPRES No. 1 Tahun 1991, merupakan sesebuah instruksi presiden yang digunakan oleh Mahkamah Syariah (baca: Pengadilan Agama) sebagai pedoman yang harus diikuti dalam penyelesaian perkara perkahwinan, waris, dan wakaf. Oleh kerana pengesahan Kompilasi Hukum Islam dengan menggunakan Instruksi Presiden No.1 Tahun 1991 dan tidak menggunakan undang-undang menyebabkan Kompilasi Hukum Islam bersifat tidak mengikat (*fakultatif*). Kerana bagaimanapun juga, Instruksi Presiden (INPRES) tidak termasuk dalam tata urutan peraturan perundangan di Indonesia yang ditetapkan dalam TAP MPRS No. XX/MPRS/1966 *juncto* TAP MPR No. V/MPR/1973. Oleh kerana sifat dan posisi Kompilasi Hukum Islam dalam tata urutan perundangan

Indonesia tersebut, maka dalam praktik, orang yang mengetepikan Kompilasi Hukum Islam tidak dapat dipersalahkan telah melanggar hukum.

Dalam Kompilasi Hukum Islam seksyen 40c dan seksyen 44 secara eksplisit memperuntukkan tentang larangan perkahwinan antara seorang lelaki Muslim dengan seorang wanita non-Muslim, dan seorang wanita Muslimah dengan seorang lelaki non-Muslim. Seksyen 40c Kompilasi Hukum Islam menyatakan sebagai berikut:

“Dilarang melangsungkan perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita karena keadaan tertentu:

- a. kerana wanita yang bersangkutan masih terikat satu perkahwinan dengan lelaki lain;
- b. seorang wanita yang masih berada dalam masa ‘iddah dengan lelaki lain;
- c. seorang wanita yang tidak beragama Islam.”

Daripada seksyen 40c di atas secara eksplisit dapat difahamkan bahawa Kompilasi Hukum Islam melarang terjadinya perkahwinan antara seorang lelaki (baca: Muslim) dengan seorang wanita yang tidak beragama Islam, sama ada Ahli Kitab mahupun tidak Ahli Kitab. Jadi, secara tegas, seksyen ini memberikan penjelasan bahawa wanita yang beragama selain Islam tidak boleh berkahwin dengan lelaki yang beragama Islam.

Sedangkan seksyen 44 menyatakan sebagai berikut:

“Seorang wanita Islam dilarang melangsungkan perkahwinan dengan seorang lelaki yang tidak beragama Islam.”

Seksyen ini juga secara tegas melarang terjadinya perkahwinan antara wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim, sama ada termasuk kategori Ahli Kitab mahupun tidak termasuk kategori Ahli Kitab.

Selain daripada dua seksyen di atas, Kompilasi Hukum Islam juga menegaskan lagi pada seksyen 61 mengenai pencegahan perkahwinan, seksyen itu berbunyi:

“Tidak sekufu tidak dapat dijadikan alasan untuk mencegah perkahwinan, kecuali tidak sekufu kerana perbezaan agama.”

Berdasarkan ketentuan-ketentuan dalam Kompilasi Hukum Islam di atas, dapat difahamkan bahawa KHI secara jelas dan tegas melarang perkahwinan berbeza agama di antara calon suami isteri yang beragama Islam. Sehingga tidak ada peluang bagi orang-orang yang memeluk agama Islam untuk melaksanakan perkahwinan berbeza agama.

Kenyataan yang terjadi dalam sistem hukum Indonesia, perkahwinan berbeza agama masih dapat terjadi. Hal ini disebabkan sifat dan posisi Kompilasi Hukum Islam dalam sistem hukum di Indonesia. Sifat KHI yang tidak mengikat menjadikan seseorang lebih leluasa dalam menjalankan ketentuan-ketentuan yang ada di dalamnya, sama ada ketentuan KHI digunakan mahupun tidak digunakan. Selain itu, UU Perkahwinan memberikan peluang pelaksanaan perkahwinan berbeza agama terjadi di Indonesia. Hal ini disebabkan ketidakjelasan aturan atau ketentuan UU Perkahwinan yang memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama. Sehingga memunculkan pelbagai pentafsiran mengenainya daripada pelbagai pihak, sama ada institusi hukum yang terkait mahupun daripada para sarjana hukum.

### **3.3 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Hukum Perkahwinan Islam**

Dalam perspektif Islam, suasana keluarga yang *sakīnah, mawaddah, wa rāḥmah* dalam sebuah rumah tangga tidak akan dapat terwujud secara sempurna kecuali apabila suami dan isteri tersebut memiliki akidah (agama dan keyakinan) yang sama dan beristiqamah dalam melaksanakan ajarannya. Perbezaan agama pada sebuah rumah tangga dalam pelaksanaannya akan menimbulkan berlakunya pelbagai fitnah dan

*mafsadat*, sama ada dalam hal pembinaan pelaksanaan ibadah, pendidikan anak, pengaturan makanan, pembinaan tradisi keagamaan, dan lain-lain. Oleh itu, sebaiknya perkahwinan berbeza agama dihindari oleh orang Islam jika mahu mewujudkan keluarga yang *sakīnah*, *mawaddah*, *wa rāḥmah* sebagaimana tujuan perkahwinan.

Dalam perkara perkahwinan berbeza agama terdapat tiga ayat al-Quran yang secara khas membicarakan mengenai perkahwinan antara orang Islam dengan orang non-Islam, iaitu:

وَلَا تَنِكِحُوا الْمُشْرِكَتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ وَلَا مَةٌ مُّؤْمِنَةٌ حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَقَوْعِدَتْكُمْ وَلَا تُنِكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدُ مُّؤْمِنٌ حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُمْ أُولَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى الْنَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَبِيَبْيَانِ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita budak yang mukmin lebih baik daripada wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mukmin lebih baik daripada orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan ampunan dengan izin-Nya. dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.”

Surah al-Baqarah (2): 221

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُّؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحْلُونَ هُنَّ وَءَاتُوهُمْ مَا أَنفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنِكِحُوهُنَّ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصْمِ الْكَوَافِرِ وَسَلُّوْمًا مَا أَنْفَقْتُمْ وَلَيَسْأَلُوا مَا أَنْفَقُوا ذَلِكُمْ حُكْمُ اللَّهِ تَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang berhijrah kepadamu perempuan-perempuan yang beriman, maka hendaklah kamu uji (keimanan) mereka. Allah lebih mengetahui tentang keimanan mereka. Jika kamu telah mengetahui bahawa mereka (benar-benar) beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir. Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka. Dan berikanlah kepada (suami-suami) mereka, mahar yang telah mereka bayar. Dan tiada dosa atasmu mengahwini mereka apabila kamu bayar kepada mereka maharnya. Dan janganlah kamu tetap berpegang pada tali (perkahwinan) dengan perempuan-perempuan kafir. Dan hendaklah kamu minta mahar yang telah kamu bayar. Dan hendaklah mereka meminta mahar yang telah mereka bayar. Demikianlah hukum Allah yang ditetapkan-Nya diantara kamu. Dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Mumtahanah (60): 10

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ۝ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ  
وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ  
أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنَاتٍ غَيْرَ  
مُسَفِّحَاتٍ وَلَا مُتَخَذِّذَاتٍ أَخْدَانٍ ۝ وَمَنْ يَكُفُّرُ بِالإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ  
عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya:

“Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (dan dihalalkan mengahwini) wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kahwin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. Sesiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam), maka hapuslah amalannya dan ia di hari kiamat termasuk orang-orang merugi.”

Surah al-Māidah (5): 5

Daripada ketiga-tiga ayat al-Quran di ataslah perbincangan mengenai perkahwinan berbeza agama, khususnya antara Muslim atau Muslimah dengan orang non-Islam, bermula. Perbincangan ini sudah pun bermula sejak zaman sahabat hingga masa kontemporari. Bagaimanapun, daripada ketiga-tiga ayat al-Quran tersebut di ataslah di antara para fukaha dan ulama kontemporari berbeza pendapat dalam

memahami maksud yang dikandungi ayat al-Quran tersebut, khususnya mengenai konsep musyrik dan Ahli Kitab. Perbezaan pendapat itu terjadi dalam menentukan hukum perkahwinan beza agama, sama ada haram, harus (mubah), atau lainnya. Di samping itu, amalan perkahwinan berbeza agama khususnya antara orang Islam dan orang non-Islam semakin hari semakin rancak dilaksanakan oleh orang Islam.

Secara umum, perbezaan pendapat di antara para ulama fikah dan ulama kontemporari mengenai perkahwinan berbeza agama berdasarkan pada al-Quran surah al-Baqarah (2) ayat 221, surah al Mumtahanah (60) ayat 10, dan surah al-Māidah (5) ayat 5 dapat diklasifikasikan menjadi tiga, iaitu perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim; perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrik; perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab.

### 3.3.1 Perkahwinan Wanita Muslimah Dengan Lelaki Non-Muslim

Semua ulama sepakat bahawa perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim, sama ada musyrik mahupun Ahli Kitab adalah haram. Dalil mengenai haramnya perkahwinan berbeza agama ini didasarkan pada surah al-Baqarah (2) ayat 221, di mana ianya ditegaskan lagi pada surah al Mumtahanah (60) ayat 10, yang berbunyi:

...لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحْلُونَ هُنَّ ...

Maksudnya:

“...Mereka (wanita mukmin) tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka (wanita mukmin)...”

Al-Qurṭūbī mengatakan bahawa surah al Mumtahanah (60) ayat 10 bermaksud Allah tidak menghalalkan wanita mukminat kepada lelaki kafir, begitu juga perkahwinan lelaki mukmin dengan wanita musyrikah.<sup>11</sup> Al-Sharqawī pula menambahkan bahawa berdasarkan kesepakatan ulama, tidak sah wanita Muslimah

<sup>11</sup> Al-Qurṭūbī (t.t), *Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Beirūt: Dār al-Fikr, hlm. 63. Lihat juga Ibn Ismā'il Kathīr (1989), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, juzuk IV. Beirūt: Dār al-Ma'rifah, hlm. 414.

kahwin dengan lelaki kafir, sama ada merdeka mahupun hamba sahaya. Demikian juga tidak sah pula wanita murtad menikah dengan sesiapapun, sama ada lelaki Muslim mahupun lelaki kafir, kerana wanita tersebut telah kafir dan tidak mengakui apapun tetapi wanita murtad tersebut masih ada ikatan Islam pada dirinya.<sup>12</sup>

M. Quraish Shihab pula menjelaskan bahawa wanita Muslimah dilarang mengahwini lelaki bukan Islam, sama ada Ahli Kitab, terutama sekali orang musyrik, kerana mereka tidak mengakui kenabian Muhammad SAW. Selain itu, lelaki sebagai pemimpin rumah tangga mempunyai peranan yang sangat penting sehingga mudah baginya untuk mempengaruhi isterinya.<sup>13</sup> Apa yang dikatakan oleh M. Quraish Shihab ini selari dengan pendapat Yusuf Qardawī bahawa punca sebenarnya daripada pengharamannya adalah demi menjaga iman. Kerana, pada kebiasaannya, wanita mudah dipengaruhi sehingga dikhuatirkan ia akan berpindah ke agama suaminya dan meninggalkan Islam.<sup>14</sup>

Mengenai sebab haramnya perkahwinan antara wanita Muslimah dan lelaki non-Muslim ini, al-Sayyid Sābiq menjelaskan bahawa di antara sebab pengharamannya adalah:

- a. Orang kafir tidak boleh menguasai orang Islam. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa (4) ayat 141, yang bermaksud "...dan Allah tidak akan sekali-sekali memberi jalan orang kafir itu mengalahkan orang mukmin."
- b. Lelaki kafir dan Ahli Kitab tidak akan mahu mengerti agama isterinya yang Muslimah, malah sebaliknya mendustakan kitab dan mengingkari nabinya. Sedangkan apabila lelaki Muslim kahwin dengan wanita Ahli Kitab, maka dia akan mahu mengerti agama, mengimani kitab, dan nabi

---

<sup>12</sup> Al-Sharqāwī (1941), *Hāshiyah al-Sharqāwī*, juzuk II. Kaherah: Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī, hlm. 237.

<sup>13</sup> M. Quraish Shihab (2000), *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Kerugian al-Quran*, volume III. Jakarta:: Lentera Hati, hlm. 29.

<sup>14</sup> Yūsuf Qardawī (1985), *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 179.

isterinya sebagai bahagian daripada keimanannya. Kerana tidak akan sempurna keimanan seseorang tanpa mengimani kitab dan nabi-nabi terdahulu.

- c. Dalam rumah tangga campuran, suami isteri tidak mungkin tinggal dan hidup bersama dalam perbezaan prinsip (keyakinan).<sup>15</sup>

Meskipun para ulama telah sepakat mengenai haramnya perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim, di Indonesia terdapat pemikir kontemporari yang membolehkan perkahwinan tersebut, iaitu para pemikir yang tergabung dalam kelompok Jaringan Islam Liberal (JIL) dan Paramadina, di antaranya Ulil Abshar Abdalla, Nurcholish Madjid, Zainun Kamal, Abdul Moqsith Ghazali, dan Luthfi Assyaukani. Menurut mereka, berdasarkan relativisme kebenaran agama dan kemaslahatan bahawa perkahwinan antara orang Muslim dengan orang non-Muslim, sama ada laki-laki maupun perempuan tidak perlu dirunsingkan dalam Islam kerana perkahwinan sebegini adalah diharuskan.<sup>16</sup>

Ulil Abshar Abdalla mengatakan bahawa larangan perkahwinan beza agama sudah tidak relevan lagi. Menurutnya, al-Quran tidak pernah melarang secara tegas perkara itu, dan al-Quran menganut pandangan universal tentang martabat manusia

---

<sup>15</sup> Al-Sayyid Sābiq (1977), *Fiqh al-Sunnah*, juzuk II. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy, hlm. 105-106.

<sup>16</sup> Pendapat yang sama juga dikatakan oleh Tim Pengarusutamaan Gender Departemen Agama Republik Indonesia yang diketuai oleh Siti Musdah Mulia. Tim ini kemudian melahirkan sebuah *Counter Legal Drafting* Kompilasi Hukum Islam (CLD-KHI) yang mengkritik pelbagai ketentuan dalam KHI, di mana salah satunya mengenai larangan kahwin berbeza agama. Menurut Siti Musdah Mulia, perkahwinan berbeza agama itu hukumnya harus, tanpa membezakan lelaki Muslim atau wanita Muslimah. Menurutnya, sejarah Islam, nas al-Quran dan Jumhur Ulama membolehkan lelaki Muslim berkahwin dengan wanita Ahli Kitab. Dan untuk wanita Muslimah, tidak ada ayat al-Quran yang melarang wanita Muslimah berkahwin dengan lelaki Ahli Kitab, sehingga kerana ketidaaan nas itu menunjukkan keharusannya sebagaimana kaidah usul fikah “*’adam al-dalīl huwa al-dalīl*”. Penjelasan mengenai hujjahnya dapat dilihat dalam Siti Musdah Mulia (2004), “Menafsir Ulang Pernikahan Lintas Agama: Perspektif Perempuan dan Pluralisme”. Jakarta: Kapal Perempuan, hlm. 129-130. Siti Musdah Mulia (2006), “Perempuan, Budaya dan Agama”, dalam Sulistyowati Irianto (ed.), *Perempuan dan Hukum: Menuju Hukum Yang Berspektif Kesetaraan Gender dan Keadilan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, hlm. 167-170. Dan penjelasannya mengenai perkahwinan berbeza agama secara detail dapat dilihat pada Siti Musdah Mulia (2005), *Muslimah Reformis: Perempuan Pembaru Keagamaan*. Bandung: Mizan, hlm. 52-80; pemikirannya dengan semangat yang sama juga kembali ditulis dalam Siti Musdah Mulia (2009), “Promoting Gender Equity Through Interreligious Marriage: Empowering Indonesian Women” dalam Gavin W. Jones et al. (ed.), *Muslim-non-Muslim Marriage: Political and Cultural Contests in Southeast Asia*. Singapura: ISEAS, hlm. 255-282.

yang sepadan, tanpa melihat perbezaan agama. Segala produk hukum Islam klasik yang membezakan kedudukan orang Islam dan non-Islam harus dirubah berdasarkan prinsip persamaan universal dalam kemanusiaan.<sup>17</sup> Selain tidak ada nas yang *sariḥ* dalam al-Quran, hadīth yang digunakan para ulama untuk mengharamkan perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim adalah termasuk hadīth *mauqūf* (hadīth yang sanadnya terputus). Hadīth Nabi SAW yang bermaksud “kami mengahwini wanita-wanita Ahli Kitab dan lelaki Ahli Kitab tidak boleh mengahwini wanita-wanita kami (Muslimah)” adalah hadīth *mauqūf*, sebab sanadnya terputus hingga Jābir.<sup>18</sup> Sedangkan sumber hukum Islam lain yang berupa *qaul sahābi*, iaitu ucapan Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb “seorang Muslim mengahwini wanita Nasrani, akan tetapi lelaki Nasrani tidak boleh mengahwini wanita Muslimah”<sup>19</sup> adalah merupakan sebuah ungkapan kekhawatiran apabila wanita-wanita Muslimah dikahwini lelaki non-Muslim, maka mereka akan pindah agama. Sedangkan umat Islam pada ketika itu memerlukan kualiti dan kuanti yang banyak.<sup>20</sup> Mereka menyimpulkan mengenai perkahwinan lelaki non-Muslim dengan wanita Muslimah merupakan sesuatu yang *ijtihādī* (tiada nas *qa’īd*) dan sangat bergantung kepada *maslahat* tertentu. Apabila persoalan ini tiada nas dan boleh diijtihadkan, maka tentu juga boleh jika diadakan suatu pendapat baharu, iaitu wanita Muslimah boleh berkahwin dengan lelaki non-Muslim atau perkahwinan beza agama secara lebih luas sangat dibolehkan apa pun agama dan aliran kepercayaannya.<sup>21</sup>

---

<sup>17</sup> Ulil Abshar Abdalla (2002), "Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam", *Kompas*, Senin, 18 November 2002.

<sup>18</sup> Abū Ja'far Muhammad ibn Jarīr al-Tabārī (2001), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, juzuk II. Beirūt: Dār al-Fikr, hlm. 465.

<sup>19</sup> Ibn Ismā'il Kathīr (1989), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, juzuk II. Beirūt: Dār al-Ma'rifah, hlm. 347.

<sup>20</sup> Nucholish Madjid (1995), *Islam Agama Peradaban: Membangun Makna dan Relevansi Doktrin Islam Dalam Sejarah*. Jakarta: Paramadina, hlm. 164.

<sup>21</sup> Nucholish Madjid dkk. (2003), *Fiqih Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*. Jakarta: Paramadina, hlm. 163-165. Bandingkan dengan Salahuddin Wahid (2005), "Perkawinan Agama dan Negara", *Republika*, Jumat, 1 April 2005.

### **3.3.2 Perkahwinan Lelaki Muslim Dengan Wanita Musyrikah**

Majoriti ulama dalam Islam sepakat untuk mengharamkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrikah. Pendapat ini didasarkan pada firman Allah dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221 yang secara tegas melarang perkahwinan berbeza agama di antara mereka.<sup>22</sup> Namun daripada kesepakatan ulama mengenai perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrikah tersebut terdapat perbezaan pendapat di antara mereka dalam mendefinisikan siapakah yang dimaksudkan al-Quran surah al-Baqarah (2) ayat 221 dalam menjelaskan mengenai wanita musyrikah tersebut. Al-Sayyid Sābiq menjelaskan bahawa yang dimaksudkan wanita musyrikah adalah wanita penyembah berhala (*al-wathaniyyah*), *zindiqiyah* (atheis), wanita murtad, penyembah api, dan wanita yang berpaham *wujūdiyyah*.<sup>23</sup>

Sedangkan menurut Rashīd Riḍā, kata musyrik yang disebutkan di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221 adalah ditujukan kepada orang-orang musyrik Arab sahaja. Kerana menurutnya, semasa turunnya al-Quran bangsa Arab sememangnya tidak mengenal kitab suci dan kebanyakan mereka menyembah berhala. Oleh itu, larangan perkahwinan antara lelaki Muslim dengan wanita musyrikah sebagaimana dijelaskan di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221 itu hanya terhad kepada wanita musyrikah Arab sahaja, sedangkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrikah selain Arab adalah dibolehkan, seperti wanita Cina, India, dan lainnya yang diduga mereka mempunyai kitab suci atau semacam kitab suci. Pendapat Rashīd Riḍā ini juga disepakati oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī, dan Muhammad ‘Abduh.<sup>24</sup>

Sayyid Quṭb dalam kitabnya “*Tafsīr fī Zilāli al-Quran*” memberikan pendapat yang berbeza dengan pendapat Rashīd Riḍā, ia bahkan memberikan ruang yang lebih

<sup>22</sup> Abd. al-Rahmān al-Jazīrī (1969), *Kitab al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, hlm. 74; Ibn Rusyd (t.t), *Bidāyatū al-Mujtahid*, juzuk II. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 44; Al-Sharqāwī (1941), *Op.Cit.*, hlm. 235; dan Al-Shirāzī (t.t), *Al-Muhadhdhab*, juzuk II. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 41.

<sup>23</sup> Al-Sayyid Sābiq (1977), *Op.Cit.*, hlm. 99. Bandingkan dengan Ibn Rusyd (t.t), *Op.Cit.*, hlm. 33.

<sup>24</sup> Rashīd Riḍā (1367 H.), *Tafsīr al-Mannār*. Kaherah: Dār al-Manār, hlm. 187-193.

luas mengenai terma musyrik sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran. Menurutnya, sesiapa sahaja yang menyekutukan Allah adalah orang musyrik, sama ada Ahli Kitab atau bukan. Dalam perkara ini Sayyid Quṭb tidak memberikan ruang perbezaan antara musyrik dan Ahli Kitab, kerana kedua-duanya pada asasnya sama dalam amalannya. Hal ini didasarkan pada firman Allah SWT:

يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ  
 إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَنَهَا إِلَيْ  
 مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَاثَةٌ أَنْتُهُوا حَيْرًا  
 لَّكُمْ إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهٌ وَاحِدٌ

Maksudnya:

“Wahai Ahli Kitab, janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu, dan janganlah kamu mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya al-Masih, Isa putera Maryam itu, adalah utusan Allah dan (yang diciptakan dengan) kalimat-Nya, yang disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (dengan tiupan) roh dari-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga", berhentilah (dari Ucapan itu). (itu) lebih baik bagimu. Sesungguhnya Allah Tuhan Yang Maha Esa.”

Surah al-Nisā' (4): 171

قُلْ أَتَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا وَاللَّهُ  
 هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٧١﴾ قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ غَيْرُ  
 الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلٍ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا  
 وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ

Maksudnya:

“Katakanlah: Mengapa kamu menyembah selain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi mudarat kepadamu dan tidak (pula) memberi manfaat? dan Allah-lah yang Maha mendengar lagi Maha Mengetahui. Katakanlah: wahai Ahli Kitab, janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agamamu, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat dahulunya (sebelum kedatangan Muhammad) dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia), dan mereka tersesat dari jalan yang lurus.”

Surah al-Māidah (5): 76-77

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Maksudnya:

“Dan sebahagian besar dari mereka tidak beriman kepada Allah, melainkan dalam keadaan mempersekuatkan Allah (dengan sembah-sembahan lain).”

Surah Yūsuf (12): 106

Seterusnya, Sayyid Quṭb menjelaskan bahawa berdasarkan keterangan di atas dan juga surah al-Baqarah (2) ayat 221, serta dikuatkan dengan surah al-Mumtaḥanah (60) ayat 10, perkahwinan antara lelaki Muslim dengan wanita musyrikah, sama ada Ahli Kitab atau bukan adalah haram.<sup>25</sup> Kerana bagaimanapun juga dalam sebuah perkahwinan diperlukan kesatuan hati yang kuat untuk mencapai tujuan perkahwinan. Kekuatan hati harus dikuatkan dengan nilai-nilai kepercayaan yang berupa aqidah agama. Sehingga perkahwinan yang dilakukan dengan orang musyrik dikhuatirkan dapat membahayakan keimanan, keberlangsungan generasi Islam, dan keluarga Muslim. Bahaya hilangnya kekuatan dan generasi Islam di masa hadapan sangat mungkin terjadi jika perkahwinan antara lelaki Muslim dengan wanita musyrikah dihalalkan. Selain itu, rumah tangga yang dibina kerana perbezaan agama juga dapat menimbulkan keadaan kurang harmoni disebabkan kurangnya komunikasi aktif di antara mereka. Dan perkara inilah yang akhirnya dapat menjelaskan generasi Muslim di masa hadapan.<sup>26</sup> Pendapat ini juga disepakati oleh Mahmūd Shalṭūt, dan Fakhruddin al-Rāzī.<sup>27</sup>

Meskipun terdapat perbezaan pandangan mengenai musyrik, akan tetapi pada asasnya para ulama sepakat untuk mengharamkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrikah. Kerana perbezaan yang sangat ketara di antara para ulama adalah ketika membincangkan mengenai perkahwinan antara lelaki Muslim dengan Ahli Kitab. Diantara pelbagai pendapat ulama, ada sebahagian ulama yang memasukkan Ahli Kitab sebagai musyrik, dan ada juga yang mengatakan bahawa antara Ahli Kitab dan musyrik

<sup>25</sup> Sayyid Quṭb (2000), *Tafsīr Fi Ḥilāli al-Qur’ān*, terj. Jakarta: Gema Insani Press, hlm. 285-286.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 287-288.

<sup>27</sup> Mahmūd Shalṭūt (1979), *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Shurūq, hlm. 294-296. Bandingkan dengan Fakhruddin al-Rāzī (1967), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Musytahar bi Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghaib*. Beirūt: Dār al-Fikr, hlm. 59-60. Lihat juga Harun Nasution (1986), *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*. Jakarta: UI Press, hlm. 22.

adalah berbeza. Daripada pandangan yang berbeza itu pula akan memunculkan pendapat yang berbeza mengenai hukum perkahwinan di antara lelaki Muslim dengan Ahli Kitab tersebut sebagaimana dijelaskan pada bab berikutnya.

### 3.3.3 Perkahwinan Lelaki Muslim Dengan Wanita Ahli Kitab

Para ulama berbeza pendapat dalam perkara perkahwinan yang dilakukan antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab. Sebahagian ulama membolehkan seorang lelaki Muslim kahwin dengan wanita Ahli Kitab, sementara sebahagian ulama lainnya mengharamkannya. Perkara ini berlaku kerana wujudnya perbezaan pandangan di kalangan ulama dalam mendefinisikan Ahli Kitab. Apakah Ahli Kitab masuk dalam kategori musyrik atau tidak. Dalam hal ini, perbezaan pendapat ulama mengenai perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab dapat diklasifikasikan menjadi tiga kelompok, iaitu pertama, kelompok yang membolehkan; kelompok yang mengharamkan; dan kelompok yang membolehkan kerana ianya merupakan kemudahan (*rukhsah*) yang diberikan oleh Allah tetapi perkahwinan tersebut tidak perlu lagi dilaksanakan.<sup>28</sup>

Pertama, kelompok yang membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab. Ulama yang termasuk kelompok ini menjelaskan bahawa al-Quran sudah secara jelas menegaskan keharusan lelaki Muslim kahwin dengan wanita Ahli Kitab. Ayat al-Quran yang dimaksudkan itu berbunyi:

أَحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ  
حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْسَنُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا  
الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصَنِينَ غَيْرُ مُسَفِّهِينَ

<sup>28</sup> Abd. al-Rahman al-Jaziri (1969), *Op.Cit.*, hlm. 72; Ibn Rusyd (t.t), *Op.Cit.*, hlm. 39. Bandingkan dengan Abd. Salam Arief (2003), *Pembaharuan Pemikiran Hukum Islam Antara Fakta dan Realita: Kajian Pemikiran Hukum Syaikh Mahmud Syaltut*. Yogyakarta: Lesfi, hlm. 122-123. Dan Ibrahim Hosen (1971), *Fiqh Perbandingan*. Jakarta: Yayasan Ihya Ulumuddin Indonesia, hlm. 201.

وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ<sup>٢٩</sup> وَمَن يَكُفُرُ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي  
 الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya:

“Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (dan dihalalkan mengahwini) wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kahwin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. Sesiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam), maka hapuslah amalannya dan ia di hari kiamat termasuk orang-orang merugi.”

Surah al-Māidah (5): 5

Pada surah al-Māidah (5) ayat 5 di atas, secara jelas disebutkan mengenai keharusan mengahwini wanita Ahli Kitab, sebab ianya tidak menyebutkan lafaz *al-musyrikāt* sebagaimana disebutkan pada surah al-Baqarah (2) ayat 221 sebagai wanita yang haram dikahwini oleh orang Islam. Apalagi di dalam al-Quran penyebutan musyrik dan Ahli Kitab selalu dipisahkan dengan huruf *atāf* “waw” yang bererti mengandungi makna yang berbeza. Oleh itu, surah al-Maidah (5) ayat 5 merupakan bentuk *takhṣīṣ* atau *istithna'* daripada larangan mengahwini wanita musyriyah yang bersifat ‘ām dalam surat al-Baqarah ayat 221.<sup>29</sup> Pendapat mengenai keharusan mengahwini wanita Ahli Kitab ini diikuti oleh jumhur ulama di kalangan empat mazhab, meskipun masing-masing mazhab memberikan syarat-syarat yang berbeza.<sup>30</sup> Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Ibnu Taimiyyah dengan merujuk pada pendapat jumhur ulama *Salaf* dan *Khalaf*.<sup>31</sup> Di samping berdasarkan surah al-Māidah (5) ayat 5, kelompok ini juga mengukuhkan hujahnya dengan amalan Nabi Muhammad

<sup>29</sup> M. Quraish Shihab (2000), *Op.Cit.*, hlm. 29.

<sup>30</sup> Ulama Mazhab Hanafi membolehkan (makruh) kahwin dengan wanita Ahli Kitab *dhimmi* (yang berada di bawah perlindungan negara Islam) dan mengharamkan Ahli Kitab di negara yang sedang perang dengan Islam (*dār al-ḥarb*). Ulama Mazhab Mālikī dan Mazhab Shāfi’ī membolehkan (makruh) kahwin dengan wanita Ahli Kitab, sama ada di *dār al-ḥarb* maupun *dhimmiyyah*. Dan Ulama Mazhab Hambali pula membolehkan kahwin dengan wanita Ahli Kitab dengan syarat wanita itu merdeka (bukan hamba sahaya), dan *muḥṣanāt* (yang boleh menjaga kehormatannya). Lihat ‘Abd. al-Rahman al-Jazīrī (1969), *Op.Cit.*, hlm. 76-77.

<sup>31</sup> Ibnu Hazm (t.t), *Al-Muḥalla*, juzuk IX. Beirūt: Dār al-Fikr, hal. 445. Lihat juga Ibnu Taimiyyah (1398 H.), *Majmū’ Fatāwa*. Beirut: Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su’ūdiyyah, hlm. 178.

SAW yang pernah berkahwin dengan wanita Ahli Kitab yang bernama Maria Qibtiyah, serta amalan para sahabat Nabi SAW yang melakukan amalan yang sama. Di antara para sahabat Nabi SAW yang mengahwini wanita Ahli Kitab dan bererti juga mereka membolehkan kahwin dengan wanita Ahli Kitab, adalah Uthmān bin Affān, Ṭalḥah bin ‘Ubaidillah, Ibn ‘Abbās, Jābir, Ka’ab bin Mālik, al-Mughīrah bin Shu’bah, Hudhaifah, dan Sa’ad bin Abū Waqāṣ.<sup>32</sup> Menurut Ibn Kathīr, setelah turun surah al-Māidah (5) ayat 5, banyak di antara para sahabat yang kahwin dengan wanita Ahli Kitab kerana memahami ketentuan surah al-Māidah (5) ayat 5 sebagai ketentuan khusus daripada ketentuan umum yang terdapat di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221.<sup>33</sup> Ibn Munzīr pula mengatakan bahawa tidak ada daripada sahabat yang mengharamkan lelaki Muslim mengahwini wanita Ahli Kitab. Sedangkan Sayyid Sābiq mencatat bahawa hanya ada satu sahabat sahaja yang mengharamkan perkahwinan itu, iaitu Ibn ‘Umar.<sup>34</sup>

Namun demikian, ulama yang termasuk kelompok ini berbeza pendapat mengenai siapakah yang dapat dikategorikan sebagai wanita Ahli Kitab yang boleh dikahwini. Menurut jumhur ulama, yang dimaksudkan Ahli Kitab pada surah al-Māidah (5) ayat 5 adalah penganut agama Yahudi dan Nasrani sebagaimana penggunaan kata itu di dalam al-Quran secara umum.<sup>35</sup> Meskipun mereka juga melakukan kemsyrikan, tetapi mereka diberi istilah khusus dan diperlakukan secara khusus pula, termasuk di dalam perkahwinan. Wanita Ahli Kitab yang halal dikahwini tidak hanya terhad pada masa Nabi SAW sahaja, tetapi termasuk juga wanita Ahli Kitab pada masa sekarang dari pelbagai suku dan bangsa. Menurut *qaul mu’tamad* di kalangan Shafi’iyah, wanita Ahli Kitab yang boleh dikahwini hanya wanita Ahli Kitab yang masih murni, iaitu wanita Yahudi dan Nasrani dari Israel yang nenek moyangnya belum pernah memeluk

<sup>32</sup> Al-Sayyid Sabiq (1977), *Op.Cit.*, hlm. 101. Lihat juga Fathurrahman Djamil (1995), *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*. Jakarta: Logos, hlm. 144-145; dan Ibn Ismāil Kathīr (1989), *Op.Cit.*, hlm. 347.

<sup>33</sup> Ibn Ismāil Kathīr (1989), *Op.Cit.*, hlm. 347.

<sup>34</sup> Al-Sayyid Sābiq (1977), *Op.Cit.*, hlm. 101.

<sup>35</sup> Fakhruddin al-Rāzi (1967), *Op.Cit.*, hlm. 151.

agama Ahli Kitab setelah adanya penyalinan, sama sahaja sudah mengetahui keadaan sebelumnya ataupun meragukannya, mengingat keteguhan mereka dengan agama tersebut. Demikian juga sah mengahwini wanita bukan Israel jika nenek moyang mereka diketahui telah masuk agama tersebut sebelum perkahwinannya, walaupun setelah adanya perubahan. Syarat-syarat tersebut juga dikenakan kepada wanita Yahudi dan Nasrani. Sedangkan wanita Samiri dan Ša'ibah yang boleh berkahwin dengan lelaki Muslim adalah jika mereka bersetuju dengan Yahudi dan Nasrani dalam ajaran pokok agamanya, meskipun mereka tidak setuju dalam perkara-perkara yang tidak prinsip, dan jika sebaliknya maka mereka haram untuk berkahwin dengan lelaki Muslim.<sup>36</sup> Sementara ulama Mazhab Hanafi menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang memeluk agama *samāwī* dengan mempercayai seorang nabi atau kitab yang pernah diturunkan Allah, maka ia termasuk Ahli Kitab. Jadi, Ahli Kitab tidak hanya terhad kepada Yahudi dan Nasrani sahaja, melainkan juga termasuk di dalamnya orang-orang yang berpegang pada *suhuf* Ibrahim, *suhuf* Musa dan *zabūr* (kitab yang diturunkan kepada Nabi Daud).

Selain itu, ada pula yang mengehadkan kepada Ahli Kitab yang hidup di *dār al-Islām* dan membayar *jizyah*. Sedangkan yang tidak membayar *jizyah* mesti diperangi dan tidak boleh berkahwin dengan wanita Ahli Kitab tersebut sebagaimana ketentuan dalam surah al-Taubah (9) ayat 29.<sup>37</sup> Rashīd Ridā memberikan pengertian yang lebih luas mengenai Ahli Kitab, sebagaimana dijelaskannya di dalam kitabnya “*Tafsīr al-Mannār*” bahawa Ahli Kitab tidak hanya mencakup Yahudi dan Nasrani, tetapi juga termasuk Majusi, Sabiun, Hindu, Budha, Konfucius, Sinto dan agama-agama lainnya yang memiliki kitab suci. Sehingga semua penganut agama yang ada di dunia pada umumnya boleh dikahwini oleh orang Islam.<sup>38</sup>

Kedua, kelompok yang mengharamkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab. Menurut kelompok ini, seorang Muslim haram mengahwini wanita

<sup>36</sup> Al-Sharqāwī (1941), *Op.Cit.*, hlm. 237. Lihat juga Al-Shirāzī (t.t), *Op.Cit.*, hlm. 44.

<sup>37</sup> Ibnu Taimiyah (1398 H.), *Op.Cit.*, hlm. 203-204.

<sup>38</sup> Rashīd Ridā (1367 H.), *Op.Cit.*, hlm. 193.

Ahli Kitab, sama ada yang merdeka, yang berstatus sebagai *ahli dhimmah* mahupun yang menjaga kehormatannya (*muḥṣanāt*). Ulama yang termasuk di dalam kelompok ini adalah Abdullah bin ‘Umar, dan Syi’ah Imamiyah.<sup>39</sup> Menurut kelompok ini, surah al-Baqarah (2) ayat 221 dan surah al-Mumtahanah (60) ayat 10 telah secara tegas menyatakan akan haramnya mengahwini wanita musyrik dan kafir. Kata musyrik pada surah al-Baqarah (2) ayat 221 diertikan sebagai orang yang menyekutukan Allah SWT. Dengan demikian, semua pengikut agama selain Islam adalah orang musyrik, begitu juga dengan ahli Kitab daripada Yahudi dan Nasrani termasuk golongan musyrik dan kafir. Kerana Yahudi telah men-Tuhan-kan ‘Uzair dan Nasrani telah men-Tuhan-kan ‘Isā ibn Maryam.<sup>40</sup> Hujah mereka didasarkan pada:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزِيزٌ أَبْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَرَى الْمَسِيحُ أَبْنُ اللَّهِ  
 ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَهِّئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلِ  
 قَنْتَلَهُمُ اللَّهُ أَنِّي يُؤْفَكُونَ

Maksudnya:

“Orang-orang Yahudi berkata: ”Uzair itu putera Allah“ dan orang-orang Nasrani berkata: ”Al-Masīh itu putera Allah“. Demikianlah itu Ucapan mereka dengan mulut mereka, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu. Dilaknat Allah mereka, bagaimana mereka sampai berpaling?..”

Surah al-Taubah (9): 30

Hal ini juga dikuatkan dengan hadīth dari Nafī’, ketika Ibn ‘Umar ditanya mengenai mengahwini wanita Yahudi dan Nasrani, Ibn ‘Umar menjawab:

إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ الْمُشْرِكَاتِ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ، وَلَا أَعْلَمُ مِنَ الْاَشْرَاكِ شَيْئًا أَكْبَرُ مِنْ أَنْ تَقُولَ

الْمَرْأَةُ رِهَا عِيسَى وَهُوَ عَبْدُ اللَّهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah SWT mengharamkan wanita Musyrik atas lelaki Mukmin. Saya tidak mengetahui kemosyrikan yang lebih besar daripada

<sup>39</sup> ‘Alī al-Šobūnī (1972), *Tafsīr Ayāt al-Ahkām*. Mekah: Dār al-Qur’ān al-Karīm, hlm. 287. Bandingkan dengan Faḍlī Faḍlullāh (1987), *Al-Ijtihād wa al-Manṭiq al-Fiqhi fī al-Islām*. Beirūt: Dār al-Ṭaliyah, hlm. 26. Lihat juga Muwaffaquddin Ibn Qadamah (1992), *Al-Mughnī*. Beirūt: Dār al-Kutub, hlm. 590.

<sup>40</sup> Ibn Ismāīl Kathīr (1989), *Op.Cit.*, hlm. 348.

keyakinan seorang perempuan bahawa Tuhannya adalah ‘Īsa, padahal ‘Īsa adalah salah seorang hamba Allah.”<sup>41</sup>

Menurut kelompok ini, bahawa ayat yang berbunyi: “...dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi al-Kitab sebelum kamu...” di dalam surah al-Maidah (5) ayat 5 seharusnya di-iḥtimāl-kan kepada perempuan Ahli Kitab yang telah masuk Islam secara *kāffah*, atau di-iḥtimāl-kan ke dalam pentafsiran bahawa keharusan mengahwini wanita Ahli Kitab adalah pada saat di mana wanita Muslimah jumlahnya masih sangat sedikit.<sup>42</sup> Oleh itu, Ahli Kitab yang tidak mahu masuk Islam selepas datangnya Islam, maka ia dikategorikan sebagai musyrik.

Pendapat kelompok ini pada masa kontemporari diikuti oleh beberapa ulama di beberapa negara, seperti Mahmūd Shaltūt dari Mesir, ulama Indonesia yang tergabung di dalam Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang kemudian juga diikuti oleh Kompilasi Hukum Islam (KHI) dan juga Muhammadiyah (organisasi massa Islam yang ada di Indonesia). Para ulama kontemporari mengharamkan perkahwinan berbeza agama, sama ada Ahli Kitab atau bukan dengan alasan bahawa perkahwinan beza agama tersebut dapat mendatangkan *mafsadat*, khususnya bagi generasi Muslim. Kerana realiti yang ada di masyarakat, seorang anak mempunyai kedekatan dengan seorang ibu, sehingga ibu dapat lebih mudah memberikan pengaruh kepada akidah dan keyakinan anak-anaknya.

Ketiga, kelompok yang membolehkan kerana ianya merupakan kemudahan (*rukhsah*) yang diberikan oleh Allah tetapi perkahwinan tersebut tidak perlu lagi dilaksanakan. Kelompok ini mendasarkan pada ijtihad ‘Umar Ibn Khattāb yang memerintahkan kepada para sahabat untuk menceraikan wanita Ahli Kitab yang telah dikahwininya kerana dikhuatirkan lelaki Muslim memilih wanita Ahli Kitab daripada wanita Muslimah sehingga dapat menimbulkan fitnah di antara wanita Muslimah.

<sup>41</sup> Al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juzuk v. Beirût: Dār Ibn Kathīr al-Yamamah, hlm. 2024.

<sup>42</sup> Pendapat ini juga yang menjadi landasan Sayyid Quṭb untuk mengharamkan kahwin dengan wanita Ahli Kitab. Menurutnya, orang yang tidak mahu masuk Islam selepas datangnya Islam adalah kafir. Lihat Sayyid Quṭb (2000), *Op.Cit.*, hlm. 286

Sementara umat Islam pada ketika itu memerlukan kualiti dan kuantiti. Perintah tersebut dipatuhi oleh para sahabat kecuali Hudhaifah. Namun, pada akhirnya Hudhaifah juga menceraikan isterinya yang Ahli Kitab.<sup>43</sup>

Sementara Yusuf al-Qarđawi menyatakan bahawa mengahwini wanita Ahli Kitab merupakan bentuk *rukhsah* yang harus diimbangi dengan batasan-batasan selektif, antara lain: wanita Ahli Kitab tersebut benar-benar beragama *samāwi*; harus berada di bawah jagaan dan pengaruh suami Muslim yang teguh berpegang pada ajaran Islam; berada di lingkungan kekuasaan masyarakat Islam yang berpegang teguh pada syariah Islam; tidak boleh mempengaruhi ajaran agama suami; dan tidak boleh mempengaruhi apalagi memaksa ajaran agama anak-anaknya.<sup>44</sup> Bentuk *rukhsah* yang diberikan Allah SWT dalam mengahwini wanita Ahli Kitab hanya berlaku pada saat jumlah wanita Muslimah sangat sedikit, sehingga pada saat jumlah wanita Muslimah telah banyak maka *rukhsah* tersebut menjadi hilang.<sup>45</sup>

Berkaitan dengan ini, M. Quraish Shihab dalam kitab tafsirnya “al-Misbah” menjelaskan bahawa larangan kahwin yang dijelaskan surah al-Baqarah (2) ayat 221 adalah mengahwini wanita musyrikah, bukan orang yang berbeza agama secara umum. Jadi, wanita musyrikah dengan orang selain musyrik seperti Ahli Kitab mesti dibezakan, kerana di dalam al-Quran antara musyrik dan Ahli Kitab selalu dipisahkan dengan kata pemisah “waw”. Oleh itu, berdasarkan adanya pemisahan di dalam al-Quran dan ketentuan yang ada di dalam surah al-Māidah (5) ayat 5 maka perkahwinan antara lelaki Muslim dengan Ahli Kitab adalah tidak dilarang. Namun demikian, M. Quraish Shihab memahami surah al-Māidah (5) ayat 5 bukan sebagai larangan mengahwini wanita Ahli Kitab, melainkan sebuah peringatan agar orang Islam berhati-hati bagi yang mahu melaksanakan perkahwinan berbeza agama, seperti dengan Ahli Kitab. Bagaimanapun,

<sup>43</sup> Muwaffaquddin Ibn Qadamah (1992), *Op.Cit.*, hlm. 590.

<sup>44</sup> Yūsuf al-Qarđāwī (1978), *Hudā al-Islām Fatawā Mu’āşirah*. Kaherah: Dār Afaq al-Ghad, hlm. 413.

<sup>45</sup> Fakhruddin al-Rāzī (1967), *Op.Cit.*, hlm. 150.

perkahwinan berbeza agama tersebut mempunyai risiko yang lebih luas dalam perkara pengertian dan tolak ansur berbanding perkahwinan seagama.<sup>46</sup>

### 3.4 Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Organisasi Massa di Indonesia

Pada 1 Jun 1980, Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwa yang berhubung kait dengan perkahwinan berbeza agama. Fatwa ini meneruskan pembicaraan mengenai perkahwinan berbeza agama pada Konferensi Tahunan Kedua MUI pada tahun 1980. Fatwa tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Bahawa perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim adalah haram hukumnya.
2. Seorang lelaki Muslim dilarang berkahwin dengan seorang wanita bukan Islam. Tentang perkahwinan antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab terdapat perbezaan pendapat. Setelah mempertimbangkan *mafsadatnya* lebih besar daripada *maslahatnya*, maka Majelis Ulama Indonesia memfatwakan hukum perkahwinan berbeza agama adalah haram.<sup>47</sup>

Daripada fatwa MUI di atas, M. Atho Mudzhar berpendapat bahawa keputusan fatwa tersebut berbeza dengan ketetapan al-Quran surah al-Maidah (5): 5 dan juga pendapat majoriti ulama fikah yang membolehkan perkahwinan antara lelaki Muslim dengan perempuan non-Muslim (baca: Ahli Kitab).<sup>48</sup> Pada sisi lain, MUI berpendapat bahawa metode *istinbāt al-aḥkām* yang digunakan untuk membatalkan ayat al-Quran tersebut atau penundaan pelaksanaan larangan-larangan tertentu dalam al-Quran berhubung kait dengan keadaan yang sangat mendesak adalah metode *maṣāliḥ al-*

<sup>46</sup> M. Quraish Shihab (2000), *Op.Cit.*, hlm. 29. Bandingkan juga dengan pendapat Ibn Kathīr dalam Ibn Ismā'il Kathīr (1989), *Op.Cit.*, hlm. 427-429.

<sup>47</sup> Keputusan Musyawarah Nasional ke II Majelis Ulama se-Indonesia No. 05/Kep/Munas II/MUI/1980 tentang Fatwa Pergantian Kelamin dan Perkahwinan berbeza agama. Lihat Muhammad Atho Mudzhar (1993), *Fatwa-fatwa Majelis Ulama Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia 1975-1988*. Jakarta: INIS, hlm. 99.

<sup>48</sup> *Ibid.*, hlm. 99.

*mursalah*, iaitu demi kepentingan masyarakat Islam. Prinsip metode *maṣāliḥ al-mursalah* ini juga sering digunakan oleh khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, yang kemudian dipertahankan oleh Mālik bin Anas sebagai salah satu sumber hukum Islam.<sup>49</sup>

Keputusan fatwa MUI pada Konferensi Tahunan Kedua tahun 1980 ini juga merupakan *entry point* pembahasan yang ada di dalam ketentuan Kompilasi Hukum Islam mengenai larangan perkahwinan berbeza agama. Kerana meskipun MUI sudah mengeluarkan fatwa mengenai larangan perkahwinan berbeza agama, akan tetapi kenyataan di masyarakat perkahwinan berbeza agama masih sahaja dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat Indonesia. Bahkan setelah rumusan tersebut ditetapkan di dalam Kompilasi Hukum Islam pun pelaksanaan perkahwinan berbeza agama masih terjadi di masyarakat.<sup>50</sup>

Selain MUI, organisasi kemasyarakatan Islam yang secara rasmi mengeluarkan ketetapan larangan perkahwinan berbeza agama adalah Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah, kedua-duanya merupakan organisasi kemasyarakatan terbesar yang wujud di Indonesia. Nahdlatul Ulama sebagai organisasi terbesar yang ada di Indonesia, sejak Muktamar NU ke-1 tahun 1926 di Surabaya sampai Muktamar ke-32 tahun 2010 di Makasar, telah pun membahaskan mengenai perkahwinan berbeza agama, iaitu pada Konferensi Besar Pengurus Besar Syuriah Nahdlatul Ulama ke-1 tahun 1960, Muktamar NU ke-24 tahun 1962 di Solo Jawa Tengah, Muktamar Thariqah Mu’tabarah tahun 1968 di Semarang Jawa Tengah, dan Mukatamar NU ke-28 tahun 1989 di Yogyakarta.

Nahdlatul Ulama sebagai organisasi kemasyarakatan Islam terbesar di Indonesia ternyata telah pun terlebih dahulu membahaskan dan menetapkan hukum bagi perkahwinan berbeza agama berbanding MUI. Hal itu nampak dari keputusan NU pada

<sup>49</sup> Majelis Ulama Indonesia (1986), *Tuntunan Perkahwinan Bagi Umat Islam Indonesia*. Jakarta: Sekretariat MUI, hlm 74-77. Banding dengan Muhammad Atho Mudzhar (1993), *Op. Cit.*, hlm. 99.

<sup>50</sup> M. Karsyuda (2006), *Perkawinan Beda Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam*. Yogyakarta: Total Media Yogyakarta, hlm. 152. Bandingkan dengan Ahmad Rafiq (1995), *Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Rajawali, hlm. 345.

beberapa Muktamar NU yang telah dilaksanakan. Secara amnya, NU dalam pembahasannya mengenai perkahwinan berbeza agama pada beberapa muktamar tersebut memberikan keputusan bahawa hukum perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita kafir adalah haram dan tidak sah, begitu juga dengan perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki Kafir.

Dalam keputusannya, Nahdlatul Ulama menjelaskan bahawa yang dimaksudkan wanita kafir tersebut adalah wanita murtad, wanita penyembah berhala, Majusi, Wathani, dan wanita kafir yang bukan wanita kafir Kitābī dan bukan murni Ahli Kitab, iaitu wanita kafir yang nenek moyangnya bukan pemeluk agama kafir sebelum dirubah dengan misi kenabian Nabi Muhammad SAW. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT, yang maksudnya “Dan Janganlah kamu berkahwin dengan wanita-wanita musyrik sebelum mereka beriman...”.<sup>51</sup> Jadi, wanita kafir yang orang tuanya memeluk agama itu setelah dirubah dengan misi kenabian Nabi Muhammad SAW hukumnya haram dan tidak sah untuk berkahwin dengan lelaki Muslim.<sup>52</sup> Sedangkan yang dimaksudkan dengan wanita Ahli Kitab yang masih murni adalah wanita Israel, di mana perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab ini hukumnya sah.

Namun demikian, sahnya perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab yang masih murni (baca: wanita Israel) tersebut harus memenuhi syarat, iaitu jika nenek moyang wanita Ahli Kitab tersebut belum pernah memeluk agama Ahli Kitab setelah adanya penyalinan, sama sahaja sudah mengetahui keadaan sebelumnya ataupun meragukannya, mengingat keteguhan mereka dengan agama tersebut. Demikian juga sah mengahwini wanita bukan Israel jika nenek moyang mereka diketahui telah masuk agama tersebut sebelum perkahwinannya, walaupun setelah adanya perubahan. Jika tidak diketahui, maka perkahwinannya tidak sah. Syarat tersebut juga dikenakan kepada

---

<sup>51</sup> Surah al-Baqarah (2) ayat 221.

<sup>52</sup> Imam Ghazali Said & A. Ma'ruf Asrori (2004), *Ahkamul Fuqaha: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes Nahdlatul Ulama 1926-1999 M.* Surabaya: Lajnah Ta'lif wan Nasyr (LTN) NU Jawa Timur dan Penerbit Diantama, hlm. 304-305.

wanita Yahudi dan Nasrani. Sedangkan wanita Samiri dan Sha'ibah yang boleh berkahwin dengan lelaki Muslim adalah jika mereka bersetuju dengan Yahudi dan Nasrani dalam ajaran pokok agamanya, meskipun mereka tidak setuju dalam perkara-perkara yang tidak prinsip, dan jika sebaliknya maka mereka haram untuk berkahwin dengan lelaki Muslim. Dan berkaitan dengan perkahwinan berbeza agama di Indonesia, Nahdlatul Ulama memutuskan untuk mengharamkan perkahwinan tersebut. Sebab, wanita non-Muslim di Indonesia tidak ada yang masuk dalam kategori wanita non-Muslim yang boleh dikahwini sebagaimana dijelaskan di atas.<sup>53</sup>

Sementara Muhammadiyah, secara amnya dalam masalah perkahwinan berbeza agama sama dengan pendapat jumhur ulama fikah dan Nahdlatul Ulama, iaitu bahawa lelaki Muslim tidak dibolehkan berkahwin dengan wanita musyrik; dan wanita Muslimah tidak dibolehkan berkahwin dengan lelaki Musyrik dan Ahli Kitab.

Adapun mengenai perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab, pada awalnya Muhammadiyah cenderung bersetuju dengan pendapat ulama yang membolehkan perkahwinan di antara mereka berdasarkan kekhususan surah al-Māidah (5) ayat 5. Pada awalnya, Muhammadiyah berpendapat bahawa Nabi Muhammad sendiri pernah berkahwin dengan Maria Qibtiyah, seorang perempuan Nasrani dari Mesir. Selain itu, juga banyak sahabat Nabi SAW yang berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab.<sup>54</sup>

Tapi kemudian Muhammadiyah berpendapat bahawa hukum *mubāḥ* (boleh) harus dihubungkan dengan alasan mengapa perkahwinan itu dibolehkan. Salah satu 'illah hukum dibolehkannya lelaki Muslim berkahwin dengan wanita Ahli Kitab adalah untuk berdakwah kepada mereka, dengan harapan mereka boleh mengikuti agama suaminya yang beragama Islam. Jika keadaaan sebaliknya, iaitu jika lelaki Muslim akan

<sup>53</sup> Keputusan Nahdlatul Ulama mengenai perkahwinan berbeza agama merujuk kepada beberapa kitab fikah, diantaranya Al-Sharqāwī (1941), *Op.Cit.*, hlm. 237; Al-Shirāzī (t.t), *Op.Cit.*, hlm. 44; Al-Shāfi`ī (1990), *Al-Umm*, juzuk V. Beirūt: Dār al-Fikr, hlm. 7; dan Al-Nawāwī (t.t), *Al-Majmū` Sharḥ al-Muhadhdhab*, juzuk II. Beirūt: Dār al-Fikr, hlm. 44.

<sup>54</sup> Fathurrahman Djamil (1995), *Op.Cit.*, hlm. 143-145.

ikut kepada agama isterinya yang Ahli Kitab, maka hukum *mubāḥ* dapat berubah menjadi haram.

Melihat realiti yang ada di masyarakat dalam perkara perkahwinan berbeza agama, Muhammadiyah melihat ada dua kesan negatif yang ditimbulkannya, iaitu bergantinya agama suami kepada agama yang dipeluk isterinya; dan anak cenderung akan mengikuti agama ibunya daripada agama bapaknya. Oleh itu, Muhammadiyah secara tegas menyatakan bahawa perkahwinan antara lelaki Muslim dengan wanita non-Muslim, sama ada Ahli Kitab atau bukan adalah haram.<sup>55</sup> Hukum haram yang dimaksudkan bukan haram *li dhātihi*, tetapi haram *li sadh al-dhāriyah* yang bertujuan untuk menjaga agama (*hifd al-dīn*) agar tidak terjadi perpindahan agama (baca: murtad). Selain itu, hukum haram bagi perkahwinan lelaki Muslim dan wanita Ahli Kitab adalah sebagai bentuk antisipasi akan terjadinya kemudaratan yang lebih besar. Hal ini sesuai dengan kaedah *fiqhīyyah*, iaitu *dar'u al-mafāsid muqaddamun 'alā jalbi al-maṣāliḥ* (meninggalkan kerosakan lebih diutamakan daripada mendapatkan kemaslahatan).<sup>56</sup>

Daripadauraian mengenai keputusan 3 organisasi keagamaan di atas, dapat diketahui bahawa secara garis besar ketiga-tiga organisasi besar tersebut telah mengharamkan perkahwinan berbeza agama bagi warganegara Indonesia. Meskipun demikian, realiti masyarakat Indonesia masih mengamalkan perkahwinan berbeza agama sehingga hari ini. Hal ini bererti bahawa keputusan-keputusan tersebut tidak mengikat bagi masyarakat Indonesia secara keseluruhan, kerana ketika keputusan tersebut dilanggar tidak ada akibat hukumnya. Punca daripada kurang dipatuhiinya keputusan-keputusan tersebut tidak lain adalah kerana masyarakat Indonesia yang heterogen, di mana mereka mempunyai rujukan ataupun organisasi yang berbeza-beza perihal agama, bahkan ada yang tidak memiliki kelompok atau organisasi tertentu.

<sup>55</sup> Dari sisi metode *istinbāt* hukum, Muhammadiyah menggunakan metode *sadh al-dhāriyah*, iaitu upaya seorang mujtahid untuk menetapkan larangan terhadap kes hukum yang sebenarnya *mubāḥ*, kerana dikhawatirkan akan membawa kepada perbuatan haram. Lihat *Ibid.*, hlm. 146-147.

<sup>56</sup> Majlis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran PP Muhammadiyah (2000), *Tafsir Tematik al-Quran tentang Hubungan Sosial Antarumat Beragama*. Yogyakarta: Pustaka SM, hlm. 219.